



SOALAN LAZIM PELAKSANAAN e-BILLING DAN NOMBOR BIL SEBAGAI RUJUKAN MANDATORI BAGI PEMBAYARAN CUKAI LHDNM

S1 : Apakah e-Billing

J1 : e-Billing merupakan salah satu servis yang disediakan di MyTax dan disenaraikan di bawah Perkhidmatan ezHasil.

S2 : Bilakah pelaksanaan e-Billing?

J2 : Tarikh pelaksanaan e-Billing adalah pada 1 Januari 2023.

S3 : Bagaimanakah cara untuk mengakses e-Billing?

J3 : Pembayar cukai yang mempunyai ID e-Filing perlu log in ke portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my> > Perkhidmatan ezHasil > e-Billing

S4 : Apakah tujuan e-Billing?

: Tujuan e-Billing adalah:-

- i) bagi membolehkan pembayar cukai membuat **semakan Nombor Bil** yang mempunyai baki cukai yang kena bayar/ pendahuluan anggaran cukai/ ansuran dan sekaligus membuat bayaran.
- ii) Untuk **menjana Nombor Bil** bagi
 - penghantaran borang nyata cukai pendapatan secara kertas yang mempunyai baki cukai kena di bayar .
 - cukai LBATA

S5 : Apakah Nombor Bil?

J5 : Nombor Bil merupakan nombor siri yang mempunyai 16 digit yang digunakan sebagai rujukan mandatori bayaran cukai.

S6 : Apakah jenis bayaran cukai yang perlu menggunakan Nombor Bil?

J6 : Bayaran menggunakan Nombor Bil melibatkan semua bayaran jenis cukai langsung LHDNM kecuali Potongan Cukai Bulanan (PCB) dan Duti Setem.

S7 : Bagaimanakah bayaran menggunakan Nombor Bil dapat dilakukan?

J7 : Bayaran menggunakan Nombor Bil boleh dilakukan di semua medium saluran bayaran seperti di ByrHasil, Kaunter Pusat Bayaran LHDNM, kaunter bank dan secara atas talian.

Bagi tujuan bayaran di kaunter Pusat Bayaran LHDNM dan bank, pembayar cukai perlu mencetak slip bayaran atau mengimbas kod QR pada slip bayaran berkenaan. Pastikan Nombor Bil yang digunakan adalah tepat seperti ditetapkan semasa membuat bayaran.

S8 : Sekiranya tiada Nombor Bil, bolehkah bayaran diteruskan?

J8 : Bayaran tidak boleh diteruskan sekiranya tiada Nombor Bil. Namun begitu dalam fasa peralihan, bayaran menggunakan nombor cukai pendapatan masih diterima sehingga 30 Jun 2023.

S9 : Bolehkah amaun bayaran dibuat kurang atau melebihi amaun cukai pada Nombor Bil?

J9 : Amaun bayaran boleh dilakukan kurang dan adalah terhad kepada amaun di Nombor Bil.

S10 : Bolehkah saya membayar beberapa Nombor Bil secara sekaligus?

J10 : Boleh. Tuan boleh memilih beberapa Nombor Bil untuk di bayar secara sekaligus. Satu Nombor Bil baharu akan diberikan untuk menggabungkan kesemua Nombor Bil berkenaan bagi memudahkan bayaran sekaligus.

S11 : Adakah Nombor Bil yang sama boleh di bayar beberapa kali?

J11 : Ya. Nombor Bil yang sama boleh dibayar beberapa kali sehinggalah selesai. Nombor Bil yang telah selesai di bayar tidak akan lagi dipaparkan di e-Billing.

S12 : Sekiranya berlaku kesilapan memilih Nombor Bil ketika membuat bayaran, bolehkan bayaran berkenaan dipindah ke Nombor Bil yang betul?

J12 : Sekiranya berlaku kesilapan ketika memilih Nombor Bil, pembayar cukai boleh merujuk ke Seksyen Pungutan dan maklumkan perihal bayaran berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

S13 : Apakah perbezaan antara Nombor Bil dan nombor VA?

J13 : Nombor Bil merupakan rujukan mandatori untuk bayaran cukai. Manakala Nombor VA (virtual account) adalah merupakan nombor akaun (14 digit) yang digunakan untuk bayaran cukai melalui e-TT dan bayaran PCB. Oleh itu, bayaran yang menggunakan e-TT perlu ada Nombor Bil dan nombor VA.

S14 : Adakah saya boleh menjana Nombor Bil di menu Janaan Nombor Bil di e-Billing sekiranya tidak mempunyai Nombor Bil untuk membayar?

J14 : Janaan Nombor Bil hanya dibenarkan untuk tujuan bayaran cukai bagi pembayar cukai yang menghantar borang nyata cukai pendapatan secara kertas. Selain itu, janaan Nombor Bil tidak dibenarkan.

S15 : Kenapa saya tidak menjumpai Nombor Bil di menu Paparan Bil?

J15 : Ini kemungkinan tuan tidak mempunyai tunggakan cukai yang perlu di bayar. Nombor Bil yang disenaraikan di Paparan Bil adalah yang masih tertunggak. Sekiranya bayaran telah selesai Nombor Bil tidak akan dipaparkan lagi.

S16 : Saya mempunyai ansuran CP500 sebanyak 6 kali. Adakah bayaran ansuran perlu menggunakan Nombor Bil yang berlainan bagi setiap ansuran dan bolehkah saya membayar beberapa ansuran sekaligus?

J16 : CP500 yang dikeluarkan mempunyai Nombor Bil berlainan. Ini bertujuan untuk membezakan bayaran mengikut bulan ansuran yang telah ditetapkan. Namun begitu bayaran beberapa Nombor Bil ansuran boleh dilakukan serentak dengan memilih Nombor Bil yang hendak dibayar. Satu Nombor Bil baharu akan diberi untuk menggabungkan kesemua Nombor Bil berkenaan bagi memudahkan bayaran sekaligus.

S17 : Saya tidak mempunyai tunggakan cukai, namun kenapa masih ada Nombor Bil yang menunjukkan tunggakan cukai yang perlu saya bayar di Paparan Bil?

J17 : Sekiranya tuan telah membayar dan menyelesaikan semua cukai, tuan boleh abaikan Nombor Bil yang dipaparkan pada menu Paparan Bil. Tuan boleh menghubungi LHDNM untuk maklumat lanjut.

S18 : Siapakah yang boleh dihubungi sekiranya pembayar cukai memerlukan penerangan lanjut berkenaan prosedur pembayaran cukai menggunakan Nombor Bil?

J18 : Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

1. Hasil Care Line di talian: 03-8911 1000/ 603-8911 1100 (Luar Negara)
2. HASiL Live Chat
3. Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas di <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>
4. Nombor Faks : 03-6201 9637

Tarikh disediakan : 3 Januari 2023

Disediakan oleh : Seksyen Strategik Akruan Cukai
Bahagian Perakauan Hasil
Jabatan Pungutan Hasil
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia